

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ANAK-
ANAK YATIM WILAYAH PERSEKUTUAN**
DI DEWAN BESAR IBU PEJABAT TABUNG HAJI
29 FEBRUARI 2000

Allahamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinnya, kita dapat berkumpul di sini pada petang ini. Sesungguhnya kita berkumpul di sini dengan satu niat dan tujuan yang sungguh murni dan penuh berkat. Izinkan saya juga untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada persatuan kebajikan anak-anak yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim dan juga untuk berucap.

Saudara-saudari,

2. Kita sungguh bertuah negara kita aman sejahtera dengan penduduknya menikmati pelbagai kemudahan dan kemajuan. Kemajuan yang kita capai ini bukanlah mudah. Banyak halangan dan cabaran yang kita tempoh. Allahamdulillah, berkat kegigihan dan ketabahan para pemimpin dan kerjasama semua pihak kita berjaya mengharungi cabaran-cabaran dengan jayannya ini dan kita berjaya membangunkan negara kita ini dengan keringat kita sendiri. Walaupun begitu masih banyak lagi yang perlu kerajaan laksanakan demi untuk meningkatkan lagi kemajuan negara dan rakyatnya.

3. Oleh itu dalam usaha kita membangunkan negara kita ini, kita juga mestilah sentiasa peka dengan tujuan hidup kita ini. Kita hidup bukan semata-mata bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup kita. Kita hidup bagi memenuhi kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat. Keperluan hidup di dunia menuntut kita supaya mengimbangi gaya kita menguruskan kehidupan kita. Lazimnya bagi yang kaya tentulah gaya hidupnya lebih bermakna daripada yang miskin tetapi tidak pula bermakna bagi yang miskin kita biarkan mereka hidup melarat tanpa ada apa-apa perancangan untuk mereka. Maka kerajaan melalui program pembasmian kemiskinan telah mengenal pasti keluarga-keluarga termiskin untuk dibantu dengan sedaya upaya kerajaan bagi memastikan supaya mereka bebas dari belenggu kemiskinan ini. Dalam hal ini, bantuan kerajaan bukanlah sahaja tertumpu kepada bantuan kebendaan tetapi kerajaan juga menumpukan kepada kemiskinan yang dilihat dari sudut kualiti manusia itu sendiri. Misalnya kemiskinan ilmu pengetahuan, kesopanan, kerendahan moral dan adab. Saya kira jika kita tidak berupaya mengatasinya kita akan berhadapan pula dengan masalah sosial yang lebih besar yang boleh membawa kesan terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara kita. Kita bersyukur kerana kita mempunyai kepimpinan negara yang sentiasa prihatin dengan hal yang saya sebutkan tadi dan allahamdulillah, nampaknya segala perancangan untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat kita telah menempa kejayaan. Pun begitu saya mengambil kesempatan di sini menggesa semua agensi kerajaan supaya tidak jemu berusaha membasmi kemiskinan di negara ini termasuk di bandar kerana ia merupakan perjuangan yang belum selesai.

Saudara-saudari,

4. Seperti yang saya sebutkan tadi, usaha membasmi kemiskinan adalah satu perjuangan. Ia juga menepati dengan cabaran wawasan 2020 yang juga ingin mewujudkan sebuah masyarakat yang penyayang. Kita mesti buktikan yang kita mempunyai perasaan penyayang di antara satu sama lain. Hari ini kita telah buktikan kerana sebentar tadi kita telah menyampaikan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim, sebahagian dari masyarakat yang sentiasa mendapat perhatian semua pihak. Kita tidak membiarkan anak-anak yatim ini hidup tanpa arah dan kita akan sentiasa memberikan perhatian kepada mereka kerana mereka juga adalah sebahagian dari masyarakat kita. Kita akan pastikan mereka mendapat perhatian terutama dari peluang- peluang pendidikan yang bermutu agar mereka juga menjadi manusia yang berjaya dalam kehidupannya dan menyumbang pula ke arah pembangunan negara ini.

5. Sebenarnya hasrat kerajaan untuk mencapai masyarakat penyayang tidak akan tercapai jika individu tidak mempunyai sifat-sifat positif yang sepatutnya mereka miliki. Sifat- sifat mulia, bersopan, rajin, bertolak ansur, cinta negara dan sebagai adalah antara ciri-ciri yang terpenting yang mesti ada dalam diri setiap individu. Untuk membentuk sifat-sifat yang positif bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi peranan ibu bapa juga amatlah penting. Iubapa boleh membantu membentuk peribadi generasi muda kita supaya menjadi manusia yang beradab dan bertanggungjawab. Selain itu, peranan keluarga juga amatlah penting. Keluarga yang bahagia akan dapat membentuk anak yang berjaya dan bahagia. Akan tetapi berlaku juga perpisahan yang tidak diminta. Sebagai ibu atau bapa tunggal yang terpaksa membesarkan anak-anaknya, maka jagalah amanah ini. Anak merupakan amanah dari Allah SWT kepada kita semua. Jagalah amanah ini dengan betul dan berhati- hati supaya ia tidak mendatangkan mudarat kepada kita semua.

6. Anak-anak adalah pewaris yang akan menerajui pimpinan negara pada masa hadapan. Masa depan negara akan menjadi lebih cerah lagi sekiranya kita mempunyai generasi yang mempunyai saksiah yang baik serta memiliki tingkahlaku yang terpuji dan yang sayangkan negara, bangsa dan agamanya. Oleh itu, rebutlah peluang yang banyak disediakan oleh kerajaan sebagai jalan untuk berjaya dalam hidup. Saya menaruh harapan saudara-saudari tidak akan mensia-siakan harapan kerajaan.

7. Akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih sekali lagi kepada pihak yang menganjurkan majlis ini kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap. Saya berdoa kepada Allah SWT agar usaha murni ini diberkati dan mencapai matlamatnya.

Terima kasih.